

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan statistik jumlah usahawan baharu yang dilatih di bawah program Business Accelerator Programme (BAP) mengikut pecahan jantina, kaum dan jumlah modal berbayar untuk syarikat yang ditubuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Program *Business Accelerator Programme* (BAP) ialah program bantuan bersepadu bagi meningkatkan keupayaan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) termasuk perusahaan mikro, menerusi khidmat nasihat perniagaan dan bantuan kewangan. BAP menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk geran padanan (*matching grant*) dan skim pinjaman mudah bagi membantu PKS meraih peluang pertumbuhan perniagaan baharu dan mengembangkan perniagaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sehingga 31 Ogos 2019, sejumlah 2,557 permohonan telah diluluskan kepada PKS di seluruh negara. Pecahan penerima bantuan mengikut etnik dan jantina sehingga 31 Ogos 2019 adalah seperti berikut:

Pecahan Penerima Bantuan Mengikut Etnik Sehingga 31 Ogos 2019

| Etnik | Jumlah Permohonan Diterima | Jumlah Permohonan Diluluskan | Geran Bersamaan (RM juta) | Pinjaman Mudah (RM juta) |
|---------------------------|-----------------------------------|-------------------------------------|----------------------------------|---------------------------------|
| Bumiputera | 2,023 | 814 | 66.15 | 110.63 |
| Cina | 2,415 | 1,541 | 162.96 | 68.28 |
| India | 439 | 195 | 17.50 | 18.96 |
| Lain-lain | 9 | 7 | 0.31 | - |
| JUMLAH KESELURUHAN | 4,886 | 2,557 | 246.92 | 197.87 |

Pecahan Penerima Bantuan Mengikut Jantina Sehingga 31 Ogos 2019

| Jantina | Jumlah Permohonan Diterima | Jumlah Permohonan Diluluskan |
|---------------------------|-----------------------------------|-------------------------------------|
| Lelaki | 3,938 | 2,195 |
| Wanita | 948 | 362 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 4,886 | 2,557 |

Sekian, terima kasih.